

PANDUAN RINGKASAN COVID-19 #3

Prosedur farmasi komuniti

Kawasan awam

1. Akses terhadap produk yang dipilih sendiri oleh pelanggan harus dihadkan untuk mengelakkan ramai orang menyentuh produk ini. Sekiranya boleh, ia hanya boleh diakses oleh kakitangan farmasi.
2. Kerap membersihkan dan membasmikuman kaunter perkhidmatan pesakit serta kawasan berhubung dengan pesakit. Hentikan penggunaan majalah dan barang kongsi lain di kawasan menunggu di farmasi.
3. Hadkan bilangan pesakit di farmasi pada bila-bila masa untuk mengelakkan kesesakan di kaunter farmasi atau di kawasan pembayaran. Sekiranya had ini dicapai, pesakit dan pelanggan perlu diminta untuk menunggu giliran mereka di luar farmasi. Walau apa pun, pesakit / pelanggan harus mengekalkan jarak 1-2 meter antara mereka sementara menunggu dalam barisan.

Di kaunter

1. Sboleh mungkin, seorang pekerja perlu diperuntukkan bagi setiap stesen atau lokasi di kaunter dan elakkan penggantian. Cuba elakkan berkongsi pejabat dan bekalan lain, seperti pen atau stapler.
2. Semua kakitangan farmasi di kaunter perlu memakai pelitup muka. Pelindung muka juga boleh digunakan (dalam kombinasi dengan pelitup muka), terutamanya jika perisai plastik *counter-top* tidak disediakan.
3. Simpan hanya objek penting di kaunter.
4. Lap dan nyahkuman kaunter dan terminal pembayaran selepas setiap pelanggan/pesakit.
5. Gunakan larutan berdasarkan alkohol yang tersedia untuk membasmikuman tangan selepas menghadiri setiap pesakit / pelanggan. Elakkan dari menyentuh objek yang telah dikendalikan oleh pesakit.
6. Sekiranya boleh, dorong pesakit untuk memesan ubat-ubatan mereka melalui laman web farmasi atau guna kaedah komunikasi elektronik lain (bergantung kepada bidang kuasa) dan hantar ke rumah atau ke tempat kerja. Seperti yang dinyatakan di atas, perkhidmatan ini tidak boleh diberikan tanpa penjagaan farmaseutikal yang sesuai melalui telefarmasi (melalui telefon atau talian internet).
7. Elakkan pengendalian kad insurans atau kad manfaat. Sebaliknya, minta pesakit mengambil gambar kad untuk diproses atau membaca dengan lantang maklumat yang diperlukan (sekira mungkin).

Penjarakan Sosial

1. Hadkan bilangan pesakit / pelanggan yang memasuki farmasi pada satu-satu masa.
2. Jauhkan jarak sekurang-kurangnya 1-2 meter (lebih baik jarak yang lebih jauh) semasa melayan pesakit.
3. Sekiranya perlu, gunakan bakul/dulang untuk mengambil preskripsi, menyerahkan ubat-ubatan serta proses pembayaran untuk menjaga jarak ini.
4. Nasihatkan pesakit untuk menjaga jarak sekurang-kurangnya 1-2 meter di antara mereka ketika menunggu, dan gunakan pita penanda di lantai untuk menunjukkan di mana mereka harus berdiri.

Untuk maklumat lanjut dan rujukan sokongan, rujuk dokumen bimbingan lengkap di

www.fip.org/coronavirus

Dokumen ini berdasarkan pada bukti dan cadangan daripada organisasi-organisasi ternama pada masa penerbitan. Ia akan dikemaskini apabila pengetahuan/maklumat terbaru tersedia-ada/diperolehi

Mengunjungi farmasi

1. Nasihatkan pesakit / pelanggan agar tidak berada lama di farmasi.
2. Nasihatkan pesakit / pelanggan agar tidak berkunjung ke farmasi sekiranya mereka dalam kalangan warga emas atau mempunyai penyakit berkaitan. Sekiranya boleh, pesakit seperti ini harus meminta ahli keluarga, pengasuh, rakan atau jiran untuk pergi ke farmasi dan bukannya mereka sendiri jika permintaan pengisian semula telefon atau dalam talian tidak dapat dibuat.

Cadangan untuk perkhidmatan dan aktiviti farmasi di farmasi

1. Semasa melakukan ujian titik penjagaan (misalnya, pengukuran tekanan darah, kolesterol, glisemia, ujian kehamilan), pemberian vaksin atau suntikan, atau memberikan perkhidmatan lain yang memerlukan kontak langsung dengan pesakit, langkah perlindungan tambahan harus diambil, seperti penggunaan pelindung wajah yang digabungkan dengan pelitup muka, sarung tangan dan *goggles*, jika sesuai.
2. Perkhidmatan ini mungkin perlu dihadkan atau diberhentikan jika menimbulkan risiko bagi kesihatan pasukan (misalnya, jika pesakit mengalami simptom jangkitan pernafasan).

Cadangan untuk pasukan farmasi

1. Pekerja dengan keadaan yang kompromi sistem imunisasi tubuh mereka harus selalu menggunakan pelitup muka dan lebih baik melakukan tugas di pejabat. Langkah-langkah kebersihan tangan harus diperkuatkan.
2. Pekerja yang mempunyai gejala atau baru bersentuhan dengan pesakit COVID-19 yang disyaki atau positif harus tinggal di rumah dan mendapat ujian untuk kemungkinan jangkitan COVID-19.
3. Pekerja harus menukar kot dengan lebih kerap.
4. Pemakaian aksesori, seperti gelang, jam tangan dan cincin, harus dielakkan.
5. Semasa memakai atau menanggalkan pelitup muka, kebersihan dan pembasmian kuman tangan harus dilakukan sebelum dan sesudahnya.
6. Rambut atau janggut panjang boleh mengurangkan kecekapan topeng perubatan.
7. Objek dan permukaan yang sering disentuh seperti stesen kerja, papan kekunci, telefon dan tombol pintu, mesti dibersihkan dan dibasmi kuman dengan kerap. Protokol pembersihan harus diadakan dan dikuatkuasakan.
8. Penggunaan, manipulasi dan pembuangan PPE yang selamat harus ditunjuk ajar kepada kakitangan.

Diterjemah oleh:

Ms Prabha Menon, Dr Jamuna Rani, Prof Gan Siew Hua –
Monash University Malaysia